

Pahang tuan rumah Karnival Voktek 2018

KUANTAN - Pahang menjadi tuan rumah Karnival Voktek 2018 yang kini sedang berlangsung di Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Karnival yang berlangsung selama lapan hari itu dirasmikan semalam yang disempurnakan Pengarah Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional Kementerian Pendidikan (KPM), Zainuren Mohd Nor.

Ia menyaksikan penglibatan kontinjen kolej vokasional dan Sekolah Menengah Teknik seluruh negara.

Kontinjen Pahang turut bersaing merentas kejuaraan bagi acara yang dipertandingkan termasuk acara sukan dan band.

Pada siri kali ini, tujuh acara sukan dipertandingkan iaitu, bola sepak, bola tampar, ragbi, softball, sepak takraw, bola jaring dan boling selain kugiran.

Kontinjen Pahang ternyata sudah bersedia bersedia untuk menyahut cabaran pada karnival tersebut dengan memberikan fokus serta tumpuan agar memperoleh kejayaan agar membanggakan dalam setiap acara disertai kali ini.

Ketua Kontinjen Zon Pahang, Mohd Yusof Hassan menaruh keyakinan tinggi kepada pasukananya dan berharap semua



Kontinjen yang menyertai Voktek Zon Pahang.



Azmi (kiri) menerima bendera kepada Mohd Yusof sebagai ketua kontinjen Pahang.

atlet fokus kepada matlamat yang disasarkan.

Katanya, atlet perlu semangat

dan berkeyakinan tinggi serta berjuang sepuhul hati untuk merentas peluang bagi mencapai

kejuaraan.

Majlis Pelepasan kontinjen Pahang disempurnakan 13 Julai lalu di Dewan Ibnu Khaldun SMT Kuantan di sini.

Sementara itu, Pengurus Voktek Zon Pahang, Azmi Ismail turut melontarkan harapan sama kepada atlet yang terpilih untuk mewakili kontinjen Pahang.

Katanya, selaku tuan rumah, kontinjen Pahang perlu menunjukkan semangat juang yang tinggi dan lebih berdisiplin sekiranya ingin melihat Pahang sebagai juara keseluruhan Karnival Voktek kali ini.

Majlis Perasmian Penutup Voktek 2018 pada 20 Julai ini di Dewan Kompleks Sukan UMP.